



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1970 > July > 21 > Page 4 > Kajang berseri2 dengan 2 bangunan baru



Kajang berseri2 dengan 2 bangunan baru

Berita Harian, 21 July 1970, Page 4

Share



Save Citation

Microfilm: NL6559



Previous Article

Next Article



Kajang berseri2 dengan 2 bangunan baru



● Bangunan lama P

IBRAHIM NGAH

Raja Azman kemukakan sistem pentadbiran yang lebih terator

Oleh

BANDAR Kajang, 15 batu di-selatan Kuala Lumpur, ibu pejabat daerah Ulu Langat sedang membangun dengan pesat-nya.

Dua buah bangunan baru yang tersergam indah di-bandar itu menambahkan seri-nya yang sa-lama ini terkenal dengan sateh Kajang-nya. Bangunan itu ia-lah Ibu Pejabat daerah Ulu Langat dan Masjid baru Kajang yang baru siap di-bena sekarang.



Ibu Pejabat baru daerah berharga \$350 ribu itu mula di-guna-kan sejak kira2 empat bulan yang lalu.

Bangunan itu di-bena untuk meng-gantikan bangunan pejabat daerah yang lama yang telah ber-umur lebih dari 100 tahun.

Ibu pejabat daerah yang baru itu empat

Recommended Articles

Berita Harian / Article

PERADUAN MENULIS SEMPENA HARI BELIA

17 July 1970 - I/AJANG. Khamis. Lapan dari 27 buah kelab belia di-daerah Ulu Langat akan mengambil bahagian dalam peraduan menulis tentang penskajian masharakat sempena Hari Belia 31 Julai Ini. Peraduan itu di-pengerusi oleh Pegawni Daerah Ulu Langat. Raja Azman bin Raja Ismail dan Penolong Pegawai Daerah Ulu Langat,...

Berita Harian / Article , Illustration

Penduduk Kg. Pasir mahu pindah, tapi tiada wang

4 August 1970 - MENTERI BESAR TERHARU DENGAN PENDERITAAN, BERJANJI AKAN CHUBA MENOLONG Laporan oleh IBRAHIM NGAM Gambar2 oleh OTHMAN YA'AKOB Lima pegawai daerah chuba menyelesaikan masa'alah mereka tapi semua-nya gagal XI RA '2 BUU orang pnduok yang terdiri dari orang2 Me1a y v di-Kampong...

Berita Harian / Article , Illustration

Ramai setuju ibu daerah di- pindahkan ka-Jerteh

21 January 1971 - M.A. Puteri JjHOR Ahli Dewan Raayat Besut Enche Hussain bin Haji Sulaiman untuk memindahkan Ibu Daerah yang sekarang terletak di-Kampong Raja ka-sekitar Bandar Jerteh yang di-siar-kan oleh akhbar ini baru2 ini tel a h mendapat sambutan penduduk2 daerah ini. Wak i 12 ra'ayat, Penghulu2...

Berita Harian / Article , Illustration

Pemmdahan ibu daerah ka- Jerteh perlu di-kaji lebih mendalam lagi

17 January 1971 - M.H.E. [J].A. PUTEHI daiam renc hana-nya bertajok "Penduduk2 Besut Merayu 'Pindahkan ibu daerah ka-Jerteh" didalam Berita Harian (31 Disember), melaporkan bahawa ahli Dewan Ra'ayat Besut, Enche Hussain bin Haji Sulaiman akan membuat rancangan kepada Kerajaan...

kali ganda besar-nya dari ibu pejabat daerah yang lama dan semua pegawai dan kaki tangan pejabat itu sekarang dapat bekerja dengan penuh minat dan tekun.

Bertugas

Saya telah berpeluang berkenalan dengan Raja Azman bin Raja Ismail, Pegawai Daerah Ulu Langat, berumur 29 tahun.

Raja Azman bertugas di-daerah itu sejak kira2 sa-tahun yang lalu dan sa-belum itu beliau bertugas di-daerah Kelang.

Di-sebabkan beliau akan menghadiri mesuarat yang penting kami hanya sempat bertemu sa-bentar sahaja.

Raja Azman membenarkan saya menemui Enche Mohd Ismail bin Yaacob, Penolong Pegawai Daerah untuk mengetahui serba sedikit tentang daerah-nya.

Enche Ismail berkata: Raja Azman ada-lah sa-orang Pegawai Daerah yang berkalibar besar dan tenang orang-nya.

"Beliau biasa - nya mengkaji lebeh dahulu sa-suatu perkara yang hendak di-buat-nya sa-belum bertindak menjalankan-nya.

"Mithalan-nya tentang kerja2 kecil untuk kemajuan kampung di-daerah2 kawasan luar bandar Raja Azman menyerahkan kerja2 ini kepada penduduk2 kampung itu sendiri.

Tujuan

"Tujuan-nya ia-lah untuk menanamkan semangat bekerja, rasa tanggung jawab dan semangat kasehkan kampung halaman mereka sendiri."

Kerajaan telah meng-untukkan sa - banyak \$50,000 sa-tahun untuk

Sulaiman, akan membuat rayuan kepada Kerajaan Trengganu untuk memindahkan ibu daerah Besut...

Berita Harian / Article , Illustration

Penduduk2 Besut merayu "Pindahkan ibu daerah ka-Jerteh"

31 December 1970 - M.A. Puteri Oleh I*AMPONG Raja yang terpenchil kedudukan-nya serta mempunyai penduduk paling sedikit di-bandingkan dengan penduduk pekan2 lain dalam daerah mi sudah tidak sesuai lagi menjadi Ibu Daerah Besut. Ra'ayat akan merayu kepada Kerajaan Trengganu untuk memindahkan semua pejabat2 Kerajaan diKampung Raja kakawasan...

Berita Harian / Article

4 Jabatan K. Langat pindah

25 September 1970 - BANTING, Khamis.— Empat buah Jabatan Kerajaan Daerah Kuala Langat. di-Telok Datok, telah di-pindahkan katempat lain, di-sebabkan keadaan bangunannya membahayakan pegawai2 dan kakl tangan yang bertugas di-situ. Pejabat2 itu ia-lah Pejabat Penerangan pindah ka-Kelab Stonor. Sharikat Kerjasama pindah ka-Pejabat Kebajikan Masharakat dan Pejabat Tan am Semula...

Berita Harian / Article

Kampung Raja perlu tandas utk orang ramai

14 January 1971 - MIMBAR J*AMPONG Raja ada lah sabuah pekan kecil di-mana terdiri-nya Pejabat2 Kerajaan, Mahkamah, Rendah Daerah, Pejabat Polis Daerah dan Rumah Sakit Daerah. Ia-nya ada-lah Pusat Pentadbiran Daerah yang kedua besarnya di-Trengganu. Sejak Merdeka hingga sekarang, pembangunan2 sa-sungguh-nya pesat di-jalankan bagi menjadikan Bandar Kampung...

[Show More](#)

kerja2 kecil di-kam-
pong2.

Dahulu kerja2 kecil
ini di-tender kepada
pemborong2 yang ber-
daftar dengan Jabatan
Kerja Raja.

Tetapi sejak Raja
Azman menjadi Pegawai
Daerah perkara ini te-
lah di-serahkan kepada
penduduk2 kampung

yang berkenaan.

Enche Ismail mem-
beritahu biasa-nya Ke-
tua Kampung yang ber-
kenaan akan menjadi
ketua di-dalam kerja2
kecil itu.

Kerja2 kecil ini bia-
sa-nya lebih berjaya
dari yang di-buat oleh
pemborong2 di-masa2
yang lalu.

Mengenai pentadbiran
pejabat daerah pula,
Enche Ismail memberi-
tahu sistem Raja Azman
ada-lah lebih terotor
dari Pejabat2 Daerah
di-mana beliau pernah
bekerja dahulu.

Kata Enche Ismail:
"Pejabat tanah yang
selalu di-anggap tempat
rasuah yang paling ba-
nyak di-tiap daerah2 di-
negeri ini di-tadbirkan
dengan terotor dan ke-
mas sekali.

"Mereka yang hendak
berjumpa dengan pega-
wai2 yang berkenaan ti-
dak payah masuk terus
ke-dalam pejabat sebab
pejabat itu telah mem-
buat atoran2 yang rapi
untuk kesenangan umum
yang hendak mengurus de-
ngan pejabat tanah.

"Ini ada-lah suatu
perkara yang paling ber-
kesan sekali di-jalankan
di-daerah ini sejak kami
pindah ke-bangunan
baru ini."

Enche Ismail menerang-
kan lagi bahawa suatu
keistimewaan Raja Azman
ia-lah kesanggupan-nya
menolong pakar2 yang
hendak membuat sa-

suatu kajian di-daerah-
nya.

Beliau sanggup mem-
berikan kerjasama-nya
tetapi dengan syarat pa-
kar2 itu akan sedia ber-
janji untuk menyerahkan
satu salinan kajian me-
reka kepada daerah itu.

“Raja Azman sekarang sedang membuat kajian bagaimana hendak memajukan penduduk2 luar bandar dengan sa-benar2-nya.” tambah Enche Ismail.

Mengenai masjid baru siap di-bena di-bandar Kajang yang berharga \$350 ribu itu, Enche Ismail berkata:

Chukup

“Raja Azman berpendapat tidak chukup dengan bangunan masjid yang besar dan indah sahaja jika ia tidak dapat digunakan untuk penyebaran agama Islam dengan sa-luas2-nya.

“Beliau juga tidak ingin melihatkan masjid yang indah itu apabila mula di-gunakan selalu kelihatan kosong di-waktu2 sembahyang.”

Untuk mengetahui kenapa-kah kaum2 belia kita yang beragama Islam tidak gemar pergi ka-masjid, Pegawai Daerah Ulu Langat itu akan membuat kajian berdasarkan jawapan2 dari belia2 itu sendiri tidak lama lagi.

Enche Ismail yang te-

lah bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Ulu Langat itu sa-lama satahun sa-tengah telah mencheritakan pengalaman bertugas di-pejabat lama.

Kata-nya:

“Di-Pejabat lama dahulu kami terpaksa berkerja dengan berhimpit2 dan tidak ada peratoran yang selesa sa-bagaimana di-pejabat baru ini.

“Jika hari hujan biasanya tempias dan ayer akan masok ka-dalam pejabat kami.”

Pejabat

“Keadaan pejabat lama itu juga sentiasa membimbangkan dan bising dengan kenderaan yang lalu lalang di-depannya.”

Enche Ismail memberi

Enche Ismail memberi tahu suatu perkara yang paling membimbangkan di-pejabat lama itu ialah tentang kebebasan orang2 keluar masuk ka-pejabat itu tidak mempunyai keselamatan yang rapi.

"Di-pejabat baru ini kami bukan sahaja mempunyai tempat pekerjaan yang selesa dan teratur tetapi kami juga mempunyai keselamatan," kata Enche Ismail.

Beliau memberitahu pejabat baru itu mengandungi semua jabatan yang bertugas untuk orang ramai.

Sa-lain dari pejabat daerah, pejabat2: Kerja Raya, Jabatan Parit dan Tali Ayer, Lembaga Bandaran, Jabatan Tanam Sa-mula, Belia, Pertanian, Haiwan, Kesihatan dan lain2 juga bertempat di-pejabat baru itu.

"Pejabat baru itu akan di-resmikan pembukaannya oleh Pemangku Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak sedikit masa lagi," kata Enche Ismail.



RAJA AZMAN ... memberikan kerja2

kechni di-kampung kapada penduduk
sa-tempat.



● Bangunan baru Pejabat Daerah Kajang.



● Bangunan lama Pejabat Daerah Kajang.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#) [Accessibility Information](#)

[Report Vulnerability](#) [Privacy Statement](#) [Terms of Use](#) [Other Policies](#)

©2026, NLB
Last Updated 2023-01-31